

17 MAR 1997

Khalil-MEC

M'SIA BOLEH KELUARKAN BARANGAN ELEKTRIK BERDAYA SAING

KUANTAN, 17 Mac (Bernama) -- Malaysia boleh mengeluarkan barangan elektrik jenama sendiri dengan mutu, kos serta harga yang berdaya saing di pasaran antarabangsa, kata Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

"Malaysia Electronic Corporation (MEC) Bhd membuktikan kita boleh mengeluarkan barangan elektrik dengan jenama kita sendiri," katanya semasa berucap pada majlis perasmian kilang MEC di Gambang, kira-kira 25 km dari sini.

Perasmian itu dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Yang turut hadir ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Khalil berkata beliau melihat ada potensi besar pada pelaburan kerajaan dan swasta dalam projek MEC itu yang akhirnya akan dapat memberi manfaat besar kepada pembangunan khususnya di Pahang dan negara amnya.

Katanya dengan terlaksananya projek MEC itu, kini wujud harapan untuk menyaksikan lebih banyak ruang ekonomi terbuka untuk rakyat.

MEC yang dibangunkan di kawasan seluas 1,200 hektar akan dapat menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, termasuk skim vendor yang bakal diwujudkan apabila MEC beroperasi nanti.

Khalil juga berkata kerajaan negeri mempunyai harapan tinggi untuk melihat lebih banyak usahawan kelas menengah dilahirkan melalui skim vendor MEC ini.

Beliau berharap projek MEC itu akan berjaya dan meletakkan Gambang dalam peta dunia sebagai pengeluar barangan elektrik bermutu.

Katanya perjanjian kerjasama teknikal antara MEC dan beberapa syarikat pengeluar terkenal barangan elektrik yang ditandatangani hari ini juga menunjukkan kesungguhan MEC dalam memastikan kualiti tinggi pengeluarannya.

"Dengan perjanjian seumpama ini, saya pasti akan terdapat pertukaran idea antara kakitangan teknikal dan pihak-pihak yang terlibat dengan matlamat untuk terus meningkatkan mutu pengeluaran," katanya. -- BERNAMA

AZ OBA RON